

AKUAN BERKANUN

PENGISYTIHARAN HARTA

Saya, **MOHD RAFIZI BIN RAMLI** (No kad pengenalan: [REDACTED] yang beralamat di [REDACTED]

68000 AMPANG, SELANGOR dengan ini membuat akuan berkanun mengikut Akta Akuan Berkanun 1960 bagi tujuan mengisytiharkan harta saya sebagai seorang yang berminat menjadi calon bagi Pilihan Raya Umum ke 15. Akuan bersumpah ini di buat sejajar dengan sebahagian dari syarat-syarat yang ditetapkan oleh Parti Keadilan Rakyat sebagai calon bertanding di bawah tiket Parti Keadilan Rakyat.

Oleh itu, saya dengan ini mengisytiharkan perkara-perkara berikut:


1. Saya adalah calon Ahli Parlimen Pandan (P100) Pilihan Raya Umum ke 15.
2. Saya sudah berumah tangga dan mempunyai seorang isteri dan seorang anak yang berumur sembilan (9) tahun.
3. Sepanjang masa saya berkhidmat sebagai Ahli Parlimen (penggal 2013 – 2018), saya tidak pernah menyalahgunakan kuasa saya untuk memperkayakan diri saya, isteri saya, anak saya atau mana-mana ahli keluarga saya. Saya tidak pernah memegang jawatan awam lain selain dari menjadi Ahli Parlimen (penggal 2013 – 2018).

4. Jumlah nilai aset bersih saya pada 31 hari bulan Oktober 2022 adalah dianggarkan sebanyak RM 18,851,350. Senarai harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya terkandung di dalam Lampiran 1.
5. Kesemua anggaran yang terkandung di dalam pengisytiharan ini di buat dengan usaha terbaik dan berdasarkan dokumen, rekod dan/atau ingatan saya. Semua aset yang diberi nilai pasaran terkini adalah berdasarkan anggaran terbaik saya.


Saya dengan ini mengesahkan kesemua kenyataan di atas serta maklumat di dalam Lampiran 1 adalah pengisytiharan harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya. Saya membuat akuan ini dengan percaya bahawa akuan ini benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan sesungguhnya
diakui oleh saya, **MOHD RAFIZI BIN RAMLI**
di Sungai Besi, Kuala Lumpur
pada **2 November 2022**

)
)
)
)



Di hadapan saya



LAMPIRAN 1

1 ASET SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

1.1 TUNAI & SIMPANAN

JENIS Tunai / Simpanan / Deposit Tetap / KWSP/ KWAP / Lain	JUMLAH (RM)
Wang Tunai di Bank	69,805
Deposit Tetap di bank	-
KWSP	1,092,411
Tabung Haji	12,000
Lain – lain	-
Jumlah	1,174,216

1.2 PELABURAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

JENIS Saham /Unit Amanah / Polisi Lain	JENIS INSTITUSI Syarikat/ Bank / Syarikat Insurans/ Lain (please state)	NOMBOR SAHAM/UNIT	NILAI PASARAN SEMASA (RM)
Saham ⁽¹⁾ (<i>Class A ordinary shares</i>) Harga terbitan RM1	INVOKE Solutions Sdn Bhd	2,087,598	12,410,000 ⁽¹⁾
Saham ⁽²⁾ (<i>Redeemable Preference shares</i>) Harga terbitan RM1	INVOKE Solutions Sdn Bhd	2,200,000	2,200,000 ⁽²⁾
Pendahuluan kepada syarikat (<i>Shareholder's advances</i>) ⁽³⁾	INVOKE Solutions Sdn Bhd	-	2,092,350 ⁽³⁾
Saham (dibeli di pasaran saham)	Boustead Holdings Berhad	100	58
Polisi insuran kesihatan, pelaburan dan nyawa ⁽⁴⁾	Prudential	-	35,000 ⁽⁴⁾
Jumlah		4,287,698	16,737,408

- (1) Jumlah pegangan saham biasa (*ordinary shares*) dalam INVOKE Solutions Sdn Bhd sebanyak 2,087,598 saham adalah bersamaan 73% dari semua jumlah saham biasa yang diterbitkan.

Anggaran nilai pasaran semasa syarikat diambil berdasarkan nilai terendah di antara (a) jumlah aset bersih syarikat setakat 31 Oktober 2022, dan (b) nilai semasa dari pelaburan terkini ke dalam syarikat berdasarkan harga saham terkini yang diterbitkan.

Nilai syarikat berdasarkan aset bersih syarikat setakat 31 Oktober 2022 adalah RM17 juta.

Nilai syarikat berdasarkan harga saham terbitan terkini setakat 31 Oktober 2022 adalah RM75 juta.

Oleh itu, pelaburan yang diisytiharkan di dalam Akuan Bersumpah ini adalah berdasarkan pegangan 73% dari nilai syarikat RM17 juta.

- (2) Syarikat menerbitkan RM2.5 juta *redeemable convertible preference shares* (RCPS) pada kadar kupon 6% setahun dalam tahun 2019 untuk menyuntik modal ke dalam syarikat. RCPS ini mempunyai tarikh matang dalam tahun 2021.

Dalam tahun 2021, syarikat melunaskan bayaran RM1.3 juta kepada pemegang RCPS dengan menukarkan RCPS kepada saham biasa (*ordinary shares*); iaitu saya mengambil alih RCPS dari pemegang RCPS dengan menukarkan saham saya pada julat harga RM4 hingga RM8 sesaham seperti di dalam perjanjian asal RCPS.

Pelaburan yang diisytiharkan di dalam Akuan Bersumpah ini adalah pegangan terkini saya dalam bentuk *redeemable preference shares* (RPS) pada kadar kupon 2% setahun.

- (3) Pendahuluan kepada syarikat adalah dalam bentuk tunai yang didahulukan kepada syarikat dari akaun pemegang saham (*shareholder's advances*) hasil dari terbitan saham yang melibatkan terbitan saham-saham baru dan penjualan saham asal saya pada harga nilai terkini.

Setiap kali syarikat menerbitkan saham-saham baru yang melibatkan penjualan bersama saham asal, saya tidak mengambil sepenuhnya hasil dari penjualan saham itu. Sebaliknya, sebahagian besar dari wang tunai hasil penjualan saham saya disuntik kembali ke dalam syarikat dalam bentuk *shareholder's advances*.

Syarikat membayar kembali jumlah ini dalam jumlah yang kecil dari semasa ke semasa kepada saya memandangkan saya tidak mengambil gaji bulanan.

- (4) Polisi insuran nyawa, kesihatan dan pelaburan yang dibeli dari Prudential dalam tahun 2004. Jumlah yang diisytiharkan merujuk kepada nilai serahan (*surrender value*). Kali terakhir saya menyemak nilai serahan bagi polisi ini ialah bagi tahun 2019.

1.3 HARTANAH SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

JENIS Kediaman / Komersial/ Tanah / Lain	TAHUN PEMILIKAN	CARA PEMILIKAN Pembelian / Warisi/ Hadiah/ Lain	NILAI PASARAN SEMASA (RM)
Rumah berkembar dua tingkat di Taman Bukit Jaya, Bukit Antarabangsa ⁽⁵⁾	2019	Pembelian	1,200,000 ⁽⁵⁾
Kondominium 3-bilik seluas 1,400 kaki persegi di Bukit Antarabangsa ⁽⁶⁾	2005	Pembelian	450,000 ⁽⁶⁾
Jumlah			1,650,000

⁽⁵⁾ Nilai semasa hartanah berdasarkan harga terkini jual beli di pasaran unit berkembar

⁽⁶⁾ Nilai semasa hartanah berdasarkan harga terkini jual beli di pasaran untuk unit yang telah diubahsuai dengan keluasan yang sama

1.4 KENDERAAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

JENAMA, TAHUN	TAHUN PEMILIKAN	CARA PEMILIKAN Pembelian / Warisi/ Hadiah/ Lain	NILAI PASARAN SEMASA (RM)
Peugeot 3008 (2018)	2018	Pembelian	70,000
Honda Accord (2012)	2014	Pembelian	40,000
Jumlah			110,000

1.5 BARANG KEMAS & KARYA SENI SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

JENIS	TAHUN PEMILIKAN	CARA PEMILIKAN Pembelian / Warisi/ Hadiah/ Lain	NILAI PASARAN SEMASA (RM)
Tiada			Tiada
Jumlah			Tiada

2 HUTANG SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

JENIS PINJAMAN Kereta/Hartanah/ Peribadi/ Kad kredit	PEMIUTANG	JUMLAH HUTANG (RM)
Pembiayaan rumah berkembar 2 tingkat	CIMB	728,020
Pembiayaan kondominium	Maybank	85,000
Kad kredit	Maybank	7,254
Total		820,274

3 NILAI ASET BERSIH SEHINGGA 31 OKTOBER 2022

JUMLAH ASET (RM)	JUMLAH HUTANG (RM)	JUMLAH BERSIH
19,671,624	820,274	18,851,350

4 PENDAPATAN BULANAN PADA 31 OKTOBER 2022

JENIS PENDAPATAN	BUTIR PENDAPATAN	PENDAPATAN BULANAN SEMASA (RM)
Faedah pelaburan	Bayaran syarikat untuk kupon RPS di atas jumlah RPS RM2.2 juta	3,500
Bayaran balik modal	Bayaran balik modal didahulukan (<i>shareholder's advances</i>) secara bulanan oleh syarikat di atas jumlah berbaki RM2.1 juta	20,000
Jumlah		23,500

5 PERBELANJAAN BULANAN PADA 31 OKTOBER 2022

JENIS PERBELANJAAN	BUTIR PERBELANJAAN	PERBELAJAAN BULANAN SEMASA (RM)
Bayaran rumah	Rumah berkembar dan kondominium	4,500
Bayaran kereta	Peugeot	1,800
Nafkah dan sumbangan	Isteri dan ibu bapa	6,000
Utiliti	Elektrik, air, internet, telefon selular	800
Petrol	Petrol	400
Anak	Persekolahan dan lain-lain	2,000
Makan	Belanja runcit rumah	2,000
Makan	Belanja di luar	1,000
Lain-lain	Kredit kad	4,000
Jumlah		22,500